



JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
JALAN DATO' ONN,  
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2321957

Kawat: PERDANA

Rujukan Kami: O.93/380/7-1A/1

Tarikh: 10 September 1987.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

**SURAT PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 1987**

**PERATURAN MELULUS DAN/ATAU MELAKSANAKAN  
PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI NEGARA**

1. **TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan dan menjelaskan peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun yang terlibat serta semua Kerajaan Negeri ketika melulus dan/atau melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan pantai.

2. **LATAR BELAKANG**

2.1. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hakisan pantai telah menyebabkan kerosakan dan kemusnahan kepada

kawasan pertanian, hutan paya bakau, perumahan, rangkaian jalan perhubungan dan pantai rekreasi. Daripada sepanjang 4,800km pantai di Negara kita ini, lebih kurang 1,300km (atau 27%) sedang mengalami hakisan pantai. Anggaran kasar nilai harta benda yang terancam oleh fenomena semulajadi ini adalah kira-kira \$200 juta untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

### 3. KAWALAN HAKISAN PANTAI NEGARA

3.1. Pengawalan ke atas kesan hakisan pantai Negara sekarang ini telah menjadi satu keperluan dari segi ekonomi dan sosial. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan melaksanakan strategi pengawalan hakisan pantai yang berbentuk dua peringkat. Sebagai langkah jangka pendek, harta benda dan kemudahan awam di kawasan kritikal yang terancam oleh fenomena ini akan dilindungi, sekiranya didapati ekonomikal berbuat demikian. Langkah jangka panjang pula, adalah untuk mengawal kesan hakisan pantai melalui penyelarasan perancangan dan pengawalan pembangunan di kawasan pantai secara bersepadu.

### 4. PELAKSANAAN STRATEGI

4.1. Untuk melaksanakan strategi ini Kerajaan telah, antara lain mengujudkan dua institusi kawalan iaitu Majlis Kawalan Hakisan Pantai Negara (MKHPN) dan Pusat Teknikal Kejuruteraan Pantai (PTKP).

4.2. Majlis Kawalan Hakisan Pantai Negara (MKHPN) adalah merupakan badan penasihat mengenai kawalan hakisan pantai dan fungsi utamanya ialah untuk memperakukan kepada Kerajaan mengenai program, pembiayaan dan penyelarasan tindakan, bukan sahaja di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri tetapi juga dengan sektor swasta. Pusat Teknikal Kejuruteraan Pantai (PTKP) pula telah ditubuhkan di Jabatan Parit dan Taliair Malaysia dan bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian teknikal dan memberi khidmat nasihat mengenai aspek teknikal hakisan pantai.

4.3. Kajian Hakisan Pantai Negara yang telah dijalankan baru-baru ini menunjukkan bahawa kebanyakan kemusnahan yang berlaku adalah kerana pembangunan telah dilaksanakan di kawasan yang berpotensi untuk terhakis, dimana kerja-kerja kejuruteraan untuk pengawalan hakisan memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Kemusnahan berlaku juga akibat pembinaan struktur-struktur yang tidak dirancang di sepanjang pantai serta aktiviti-aktiviti di luar pantai yang telah menyebabkan berlakunya hakisan ataupun memburukkan lagi keadaan hakisan.

4.4. Sebagai langkah pertama kearah mengurangkan kesan hakisan pantai dan kos pencegahannya, perlu dipastikan supaya segala usaha pembangunan di kawasan pantai yang dilaksanakan dimasa hadapan hendaklah mengambil kira kemungkinan risiko hakisan serta kesan-kesan negatif lain yang mungkin timbul. Demikian juga dengan pembinaan struktur-struktur di sepanjang pantai seperti jeti,

pelabuhan, tembok penahan dan lain-lain serta aktiviti-aktiviti di lautan berhampiran seperti pengambilan pasir, pembinaan pelantar minyak, pemasangan paip/kebel dasar laut dan lain-lain hendaklah pada masa akan datang dirancang supaya tidak akan menyebabkan atau memburukkan lagi hakisan pantai (contoh struktur/aktiviti pantai yang mungkin dibina/dijalankan adalah seperti di Lampiran A). Sehubungan dengan ini setiap Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun yang terlibat serta semua Kerajaan Negeri adalah dinasihatkan supaya merujuk segala cadangan pembangunan, aktiviti dan pembinaan struktur di kawasan pantai termasuk di lautan yang berhampiran, untuk ulasan kepada:

Ketua Pengarah,  
Jabatan Parit dan Taliair, Malaysia,  
Jalan Mahameru,  
50626 KUALA LUMPUR.

(U.P: Pengarah,  
Pusat Teknikal Kejuruteraan Pantai)

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5.1. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Badan Berkanun yang terlibat serta semua Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab melaksanakan peraturan yang dimaktub dalam Surat Pekeliling ini. Sebarang kemusykilan yang timbul dari Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada:

A. CONTOH PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI

1. Jeti
2. Pelabuhan
  - (i) Dermaga
  - (ii) Pemecah Ombak
  - (iii) Groyne (kemola kekubah)
  - (iv) Pontoon
  - (v) Revetment
3. Tembok Penahan Laut
4. Perumahan/Kondominium/Hotel
5. Taman Rekreasi
6. Pelantar Minyak
7. Struktur didasar laut
  - (i) paip minyak/air
  - (ii) kebel letrik/telekom
8. Tambak (Causeway)
9. Empangan (di hulu sungai)
10. Saluran keluar (Outlets/outfalls)

B. CONTOH AKTIVITI DI LAUTAN

1. Penambakan tepi laut
2. Pengambilan pasir pantai/laut
3. Pengorekan dasar laluan kapal
4. Pengubahsuaian muara sungai

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
KUALA LUMPUR.

TARIKH: 10 September 1987.